

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHAN MING KAI
[ALOR SETAR]
TARIKH : 08 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 29

Y.B. TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah rebat zakat yang telah dituntut oleh Bank Rakyat dan NAFAS dalam beberapa tahun yang lepas dan jumlah cukai pendapatan yang telah dibayar kepada LHDN.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 melindungi kerahsiaan maklumat cukai bagi setiap pembayar cukai. Peruntukan kerahsiaan ini juga menghalang Kerajaan daripada mendedahkan maklumat pembayar cukai (individu atau syarikat) kepada mana-mana pihak bagi menjaga kepentingan pembayar cukai.

Oleh yang demikian, maklumat yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat berhubung jumlah rebat zakat yang telah dituntut oleh Bank Rakyat dan NAFAS dalam beberapa tahun yang lepas dan jumlah cukai pendapatan yang telah dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) tersebut adalah dikategorikan sebagai maklumat terkelas dan tertakluk kepada peruntukan di bawah Seksyen 138 ACP 1967.

Aspek kerahsiaan tersebut bertujuan menjaga kepentingan pembayar cukai dalam meningkatkan keyakinan kepada LHDNM bahawa maklumat pembayar cukai sentiasa dilindungi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATUK SERI IR. DR. WEE KA
SIONG [AYER HITAM]**
TARIKH : **8 OKTOBER 2019 (SELASA)**

SOALAN NO. 30

Y.B. DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) mengapakah hutang negara meningkat mendadak dari RM686 bilion pada akhir 2017 kepada RM810 bilion; dan
- (b) apakah kegunaan pinjaman bon Samurai 1 dan 2 serta bon Panda sedangkan projek-projek mega dibatalkan, aset-aset negara dijual dan hutang negara pula meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kedudukan **hutang langsung Kerajaan Persekutuan** dikawal selia di bawah akta-akta pinjaman iaitu Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637], Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403], dan Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188]. Sehingga akhir-Jun 2019, hutang langsung Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah **RM799.1 bilion atau 52.7%** daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), kekal di bawah paras 55% daripada KDNK. Jumlah hutang langsung setakat akhir-Jun 2019 telah meningkat sebanyak RM58.1 bilion kepada RM799.1 bilion, berbanding akhir-Disember 2018 (RM741 bilion). Walau bagaimanapun, peningkatan ini dijangka menurun kepada kira-kira RM52 bilion pada akhir-2019, seperti yang dirancang dalam Belanjawan 2019 dan diluluskan oleh Parlimen.

Selain hutang langsung, Kerajaan juga mempunyai **komitmen jaminan yang perlu ditanggung dan dibiayai Kerajaan** yang terdiri daripada tanggungan hutang sebahagian syarikat berkaitan Kerajaan yang menerima Jaminan Kerajaan bagi melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam dan utiliti. Di samping itu, Kerajaan juga menanggung **hutang syarikat 1MDB** serta **liabiliti lain** seperti bayaran pajakan kewangan (*finance lease*) bagi tempoh 2018 – 2047 ke atas projek yang dilaksanakan secara *Public-Private Partnership* (PPP) di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), projek yang dilaksanakan secara *off-budget* melalui inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan Pembinaan BLT Sdn Bhd di bawah Kementerian Kewangan. Bayaran *finance lease* ini adalah berdasarkan perjanjian konsesi yang ditandatangani melibatkan obligasi tunai Kerajaan sehingga tahun 2047. Secara keseluruhannya, **jumlah keseluruhan komitmen hutang dan liabiliti Kerajaan** dianggarkan berjumlah **RM1.1 trilion**.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 15 Mac 2019, Kerajaan Persekutuan telah menerbitkan bon Samurai dengan jaminan Japan Bank for International Cooperation (JBIC) sebanyak 200 bilion Yen (RM7.4 bilion), dengan kos penuh 0.63% setahun untuk tempoh 10 tahun. Terimaan daripada terbitan ini digunakan untuk membiayai sebahagian perbelanjaan pembangunan meliputi projek seperti pembinaan sekolah, hospital, infrastruktur pengangkutan, jalan raya, utiliti dan lain-lain. Untuk makluman, Kerajaan di bawah pentadbiran baharu belum menerbitkan sebarang bon panda kerana keadaan tidak mengizinkan lagi.